



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1637

**AKTA KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA
(PINDAAN) 2021**

Tarikh Perkenan Diraja 12 November 2021

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 18 November 2021

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1637

AKTA KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (PINDAAN) 2021

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 [*Akta 339*] dipinda dalam seksyen 6—

(a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu;

- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
- “(c) pemerolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].”.